

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

HSE 351 - Sejarah Eropah Moden

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Revolusi 1789 telah meruntuhkan feudalisme di Perancis. Namun begitu golongan bawahan (sans - cullottes) tidak terbela sepenuhnya. Jelaskan kenapa hal sedemikian itu berlaku.
2. Menurut Bruun, Napoleon ialah seorang 'despot yang bijaksana.' Setujukah anda? Beri ulasan lanjut.
3. Nilai kepentingan nasionalisme di dalam Revolusi-Revolusi 1848. Hadkan perbincangan anda kepada kebangkitan di Hungary dan Bohemia sahaja.
4. Penyatuan Jerman yang dihasilkan dalam tahun 1871 memang merupakan sebahagian penting cita-cita para liberal Jerman. Walau bagaimanapun, tidak semua mereka merestui pencapaian Bismarck tersebut. Terangkan kenapa perselisihan ini timbul?
5. Setujukah anda sekiranya dikatakan bahawa bukan Marxisme tetapi penyesuaian yang dilakukan oleh Lenin ke atas ideologi itu yang merupakan faktor terpenting di sebalik pencetusan Revolusi Rusia 1917? Perincikan jawapan anda.
6. Menurut Rosenberg, pertentangan di antara Stalin dengan golongan anti Kolektivisasi adalah suatu pertarungan bagi menentukan hidup matinya Revolusi Rusia. Setujukah anda? Sila berikan keterangan lanjut.

7. Wajarkah pengadilan moral dilakukan ke atas tindakan Nazi terhadap kaum Yahudi di Jerman semasa pemerintahan Adolf Hitler? Sila kemukakan hujah dan bukti bagi menyokong pendirian anda.

-oooOOOooo-